

APLIKASI MODEL KAUNSELING TAZKIYAH AL-NAFS DALAM KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING *THE APPLICATION OF THE TAZKIYAH AL-NAFS COUNSELLING MODEL AMONG SCHOOL COUNSELLORS*

Mohd Khir Johari Abas¹, Md Noor Saper^{1*} & Nurul ‘Ain Mohd Daud¹,

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kampus Sultan Azlan Shah, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

ARTICLE INFO

*Author Email Address:
md.noor @fpm.upsi.edu.my

Submitted Date:
15 February 2025

Revised Date:
15 Mac 2025

Accepted Date:
30 April 2025

Kata Kunci:
Kaunseling Islam, Tazkiyah al-nafs,
Kaunseling sekolah

Keywords:
Islamic counseling, Tazkiyah al-nafs, School counseling

Cite as:

Mohd Khir Johari Abas, Md Noor Saper & Nurul ‘Ain Mohd Daud. 2025. Aplikasi Model Kaunseling Tazkiyah al-Nafs dalam Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 26(1):133-151

ABSTRAK

Kaunseling Islam kini dilihat sebagai satu pendekatan alternatif yang semakin mendapat perhatian dalam sistem pendidikan moden, khususnya dalam menangani cabaran emosi dan spiritual pelajar. Namun, masih wujud kekaburan dari segi keberkesanan serta penerapan model-model Islamik secara sistematik dalam amalan kaunseling sekolah. Kajian ini menganalisis aplikasi model kaunseling *tazkiyah al-nafs* dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kajian kes pelbagai lokasi, kajian ini menilai sejauh mana model *tazkiyah al-nafs* al-Ghazali diterapkan dalam amalan kaunseling, khususnya dalam menangani isu psiko spiritual pelajar. Kaedah temu bual separa berstruktur dengan 19 orang kaunselor Muslim digunakan bagi memperoleh data empirikal, yang dianalisis secara tematik menggunakan perisian NVivo 12. Hasil kajian menunjukkan empat tema terhasil: (1) sesi dimulakan dengan niat, zikir, dan penetapan matlamat, (2) identifikasi punca masalah melalui aspek ibadah dan hati, (3) rawatan spiritual berasaskan peningkatan ibadah dan refleksi sendiri, serta (4) penilaian kesan terapi melalui perubahan tingkah laku dan komitmen terhadap ibadah. Dapatan kajian membuktikan bahawa kaunseling Islam tunggal berdasarkan model al-Ghazali dapat memberikan pendekatan menyeluruh yang merangkumi aspek emosi, kognitif, dan spiritual bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi pelajar. Implikasi kajian menekankan keperluan latihan intensif bagi kaunselor dalam menguasai teknik penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) serta keperluan manual prosedur standard bagi memperkasa pelaksanaan kaunseling Islam di sekolah. Kajian ini menyumbang kepada literatur kaunseling berteraskan nilai Islam dan menawarkan alternatif model intervensi psiko spiritual dalam pendidikan moden.

ABSTRACT

Islamic counselling is increasingly recognized as a viable alternative within modern educational systems, particularly in addressing students' emotional and spiritual challenges. However, ambiguities remain concerning its effectiveness and the systematic integration of Islamic models in school counselling practice. This study examines the application of the tazkiyah al-nafs counselling model among Muslim School Counsellors (Guru Bimbingan dan Kaunseling, GBK) in Malaysia. Employing a multi-site case study design, the research evaluates the extent to which al-Ghazālī's tazkiyah al-nafs framework is operationalized in counselling practice, specifically in addressing students' psychosocial and spiritual issues. Data were collected through semi-structured interviews with 19 Muslim counsellors and analysed thematically using NVivo 12 software. Four key themes emerged: (1) initiation of sessions through intention-setting, dhikr, and goal formulation; (2) identification of root problems through assessments of religious observance and inner states; (3) spiritual treatment based on enhanced religious practices and reflective self-purification; and (4) therapeutic outcome evaluation via behavioural change and commitment to worship. The findings affirm that an Islamic counselling model grounded in al-Ghazālī's philosophy provides a holistic intervention approach that integrates emotional, cognitive, and spiritual dimensions to enhance students' psychological well-being. The study underscores the need for intensive training in the practice of tazkiyah al-nafs and the development of standardized procedural manuals to strengthen the implementation of Islamic counselling in schools. This research contributes to the expanding literature on value-based Islamic counselling and proposes a viable psycho-spiritual intervention model within contemporary educational settings.

PENGENALAN

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan wujud cabaran yang kritikal dalam amalan kaunseling Barat, khususnya apabila melibatkan klien Muslim (Tanhan & Young, 2022; Cucchi, 2022; Badri, 2020). Pendekatan Barat yang bersifat sekular (Lines, 2012) dan individualistik (Mufid, 2020), dilihat kurang mampu memenuhi keperluan psiko-spiritual klien Muslim (Perron et al., 2023; Norazlina & Amir, 2022). Ketiadaan dimensi spiritual menyebabkan kekosongan batin dan mencetuskan jurang besar dalam proses pemulihan mental (Hunt, 2022; Tanhan & Young, 2022). Tambahan pula, pendekatan yang tidak peka terhadap nilai komuniti menyukarkan intervensi berfungsi secara holistik dalam kalangan masyarakat Muslim (Mir et al., 2019; Hammad et al., 2020).

Kajian-kajian terdahulu juga mendapati teori Barat yang berasaskan paradigma eurosentrik gagal mengambil kira konteks budaya dan nilai bukan Barat, termasuk masyarakat Asia (Su-Kubricht et al., 2024; Prajapati & Liebling, 2022). Sebagai contoh, Terapi Tingkah Laku Kognitif (CBT) yang menekankan ekspresi diri dan nilai individualisme terbukti kurang sesuai dan boleh menimbulkan rasa janggal dalam budaya kolektivistik seperti masyarakat Melayu-Islam (Cucchi, 2022; Webb et al., 2015). Malah, alat penilaian seperti DSM-5 turut dikritik kerana bias budaya dan kegagalannya menyesuaikan diagnosis mengikut konteks klien bukan Barat (Sue et al., 2019). Sehubungan itu, pengkritik seperti Adams et al. (2015) menegaskan bahawa kaunseling Barat telah menjadi alat kolonialisasi pengetahuan yang menyingkirkan sistem epistemologi alternatif, termasuk pandangan hidup Islam.

Tokoh psikologi Islam, seperti Malik Badri, telah lama mengemukakan kritikan terhadap pendekatan Barat. Beliau memperkenalkan gagasan indigenisasi dan Islamisasi psikologi dengan menekankan perlunya integrasi nilai al-Quran dan sunnah ke dalam pemahaman tingkah laku manusia (Badri, 1979, 1997, 2010). Beliau secara tegas menolak *behaviorisme*, psikoanalisis *Freudian*, dan pendekatan neuropsikiatri yang mengabaikan dimensi rohani, serta menyifatkannya sebagai tidak sesuai bagi umat Islam. Dalam pelbagai karya beliau, Badri menekankan pentingnya paradigma psikologi Islam yang mengangkat *tazkiyah al-nafs* sebagai kaedah utama pembangunan jiwa, selaras dengan pandangan Imam al-Ghazali (Badri, 1978, 2010).


Justeru, kaunseling Islam perlu diberi perhatian kerana menawarkan pendekatan holistik yang berpusat pada proses penyucian jiwa. Konsep *tazkiyah al-nafs* seperti yang digariskan oleh al-Ghazali merangkumi *ma'rifah al-nafs*, *takhalli*, *tahalli*, muhasabah dan akhirnya mencapai *al-sa'adah* (al-Ghazālī, 1998, 2010). Proses ini bukan sahaja menyelesaikan konflik emosi tetapi membentuk keutuhan spiritual yang berkesan dalam jangka panjang. Oleh itu, kaunseling pendekatan Islam berpotensi memberi impak besar terhadap kesejahteraan pelajar, terutamanya di sekolah yang menempatkan pelajar Muslim. Selain daripada itu konsep *tazkiyah al-nafs* menegaskan bahawa jiwa ialah inti diri yang menentukan nilai dan tingkah laku (Nabilah & Faisal, 2019). Proses penyucian jiwa, termasuk pembezaan antara tawakkal yang berpaksikan usaha dengan tawakul yang pasif, terbukti berkait rapat dengan pembinaan harga diri dan kestabilan emosi. Hal ini mengukuhkan asas psikospiritual bagi model kaunseling Islam yang dibentangkan (Nabilah & Faisal, 2019). Bukti kontemporari turut menunjukkan bahawa dimensi agama/kerohanian mempunyai peranan bermakna dalam kesejahteraan psikologi remaja dan wajar diintegrasikan dalam model intervensi tempatan (Elzamzamy et al., 2024;

Aggarwal et al., 2023). Dapatan kajian Dyer et al. (2023) turut mendapati afiliasi agama berkait dengan penurunan separuh kadar pemikiran dan percubaan bunuh diri serta simptom kemurungan dalam kalangan remaja, sebahagiannya melalui pengurangan stres kontekstual.

Perkembangan bidang kaunseling Islam di Malaysia sejak 1980-an telah menyaksikan transformasi signifikan melalui integrasi prinsip Islamik ke dalam kerangka teori dan praktikal (Mohd Azhar et al., 2021; Md Noor, 2018). Kajian empirikal membuktikan keberkesannya dalam meningkatkan kesejahteraan klien dan profesionalisme kaunselor (Noraniza et al., 2019). Sorotan literatur turut menegaskan bahawa pendekatan berteraskan nilai Islamik mampu menjana solusi menyeluruh dalam menangani isu kerohanian, emosi, dan sosial klien (Ruslan et al., 2020; Mariani & Norhanizah Wati, 2020; Mohd Zaharen et al., 2019). Namun, masih wujud kekaburan dari segi keberkesanan serta penerapan model-model Islamik secara sistematik dalam amalan kaunseling sekolah.

Model Kaunseling *Tazkiyah al-Nafs*

Penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) merupakan asas utama dalam pembentukan model kaunseling al-Ghazali (Salasiah et al., 2020). Lima prinsip utama menjadi asas kepada pembinaannya, iaitu bermula daripada proses memahami hakikat diri sendiri (*ma^crifah al-nafs*), diikuti usaha menyingkirkan sifat-sifat buruk dalam hati (*takhalli*), kemudian menghiasi hati dengan akhlak mulia (*tahalli*), melaksanakan introspeksi diri secara berterusan (*muhasabah*), hingga akhirnya memperoleh kebahagiaan hakiki dalam kehidupan dunia dan akhirat (*al-sa^cadah*) (al-Ghazālī, 1998). Pendekatan ini menggunakan mekanisme terapeutik yang dilaksanakan secara bertahap bagi membantu seseorang mencapai kestabilan dalaman serta keharmonian dari segi rohani dan emosi (al-Ghazālī, 1998). Rajah 1 memberikan gambaran kerangka model kaunseling al-Ghazali.



Rajah 1 : Model kaunseling al-Ghazali (1998), berasaskan konsep penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Adaptasi daripada kajian Md Noor (2012)

Pendekatan al-Ghazali dalam membersihkan jiwa menekankan kepentingan *maʿrifah al-nafs*, iaitu usaha mendalami kefahaman terhadap hakikat diri sendiri sebagai titik permulaan (al-Ghazālī, 2010). Klien perlu dibantu untuk mengenal pasti kelemahan diri secara jelas, di samping meningkatkan kefahaman mereka terhadap keupayaan dan kekuatan yang ada dalam diri masing-masing (Zuraimy et al., 2023). Untuk mencapai perubahan positif dalam kehidupan, seseorang mestilah mengenal pasti dengan teliti faktor utama yang mencetuskan sesuatu masalah, merangka langkah-langkah praktikal untuk mengatasinya, serta mempunyai matlamat hidup yang jelas dan terancang (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010). Proses ini hanya akan berjaya sekiranya strategi yang digunakan benar-benar menepati tahap serta memenuhi keperluan khusus klien. Ia memerlukan tahap dedikasi yang tinggi, disiplin yang kuat, serta komitmen berterusan agar objektif yang disasarkan dapat dicapai. Sebagai permulaan, langkah ini sangat penting kerana ia bukan sahaja membentuk asas kukuh bagi peningkatan keyakinan diri klien, tetapi turut membantu mereka memahami dengan jelas realiti kehidupan yang sedang dan bakal mereka lalui (Md Noor, 2018).

Walaupun al-Ghazali (1988), tidak menjelaskan secara terstruktur konsep mengenal diri, namun secara keseluruhannya, gagasan *maʿrifah al-nafs* terangkum dalam empat tema utama. Proses ini melibatkan pemerhatian mendalam terhadap hakikat manusia, bertujuan untuk memahami dirinya secara lebih jelas terutama dalam konteks hubungannya dengan Allah SWT sebagai Pencipta. Elemen yang sama turut diketengahkan oleh Yatimah (2005), Md Noor (2012) dan Salasiah (2018). Ia merangkumi mengenal keistimewaan diri, mengenal matlamat hidup, mengenal pasti masalah diri, serta mengenal pasti tindakan perubahan yang perlu dilakukan untuk mencapai kebahagiaan hakiki (al-Ghazali, 1988, 1998, 2008a, 2008b, 2010). Aspek utama dalam hal ini ialah kesedaran seseorang mengenai potensi unggul yang dimilikinya, khususnya keupayaan akal yang menjadi perantara penting dalam usaha mengenal Allah SWT (al-Ghazali, 1988, 2010). Proses ini dinamakan mengenal keistimewaan diri. Menyedari keistimewaan diri merujuk kepada kesedaran seseorang terhadap kelebihan istimewa yang ada padanya, terutamanya potensi akal fikiran yang bertindak sebagai alat utama bagi membantunya mencapai *maʿrifatullah* (Md Noor et al., 2016).

Menurut al-Ghazali (1988, 1998, 2008a, 2008b, 2010), mengenal diri juga melibatkan kefahaman yang mendalam mengenai tujuan kewujudan seseorang, merangkumi kesedaran tentang dari mana asal dirinya, mengapa dia diciptakan, serta ke mana akhirnya dia akan kembali setelah tamatnya kehidupan dunia ini. Apabila seseorang memahami hakikat ini dengan jelas, ia akan mencetuskan kesedaran terhadap objektif tertinggi kehidupan manusia, iaitu meraih kebahagiaan hakiki melalui usaha membersihkan hati daripada sifat tercela serta menyucikan jiwa daripada segala kekotoran rohani (Rohaizan et al., 2014). Hakikat ini seiring dengan firman Allah SWT yang menyatakan bahawa tanda-tanda kebesarannya akan diperlihatkan dalam diri manusia sendiri (Quran, 41:53).

Aspek ketiga pula menumpukan kepada kesedaran terhadap kelemahan diri dengan mengakui kewujudan unsur-unsur bersifat haiwani dan syaitan yang wujud secara semula jadi dalam jiwa manusia (al-Ghazali, 2010, 2008a, 2008b, 1998 & 1988). Sifat-sifat tersebut hanyalah bersifat sementara dan bukanlah merupakan hakikat diri manusia yang sebenar, tetapi merupakan dorongan-dorongan yang mesti dikawal serta ditundukkan. Al-Ghazali (2010) menegaskan bahawa kebahagiaan sebenar tidak dapat dicapai sekiranya manusia gagal

mengawal elemen-elemen bersifat kebinatangan dalam diri mereka, khususnya amarah dan syahwat, kerana unsur-unsur ini mampu menguasai serta memperbudak jiwa seseorang jika tidak dikendalikan dengan baik.

Al-Ghazali (1988, 1998, 2008a, 2008b, 2010), juga memberi tumpuan terhadap perlunya individu menentukan langkah-langkah perubahan sebagai usaha memperbaiki diri. Proses ini memerlukan disiplin diri melalui latihan berterusan (*riyādah al-nafs*). Ia sangat berkait rapat dengan usaha melawan hawa nafsu (*mujāhadah al-nafs*), agar jiwa dapat mencapai peringkat *tahalli*, iaitu pemupukan akhlak mulia (al-Ghazali, 1998). Hasilnya, hati seseorang akan suci seperti cermin jernih yang mampu menerima serta memancarkan cahaya Ilahi, sekali gus memperoleh kebahagiaan hakiki (*al-sa'ādah*), yakni mencapai *ma'rifatullah* sebagai tujuan utama kehidupan manusia (al-Ghazālī, 2010).

Proses menghilangkan sifat negatif atau *takhalli* pula merupakan langkah berikutnya dalam proses pembinaan diri manusia (al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Dalam fasa ini, klien memikul tanggungjawab penuh dalam usaha menyingkirkan sikap negatif yang menjadi punca kepada pelbagai konflik dan gangguan dalaman mereka (Md Noor, 2012). Sikap negatif yang dimaksudkan dikenali juga sebagai sifat mazmumah atau sifat tercela, yang mana proses penghapusannya memerlukan usaha *mujāhadah al-nafs*, iaitu perjuangan rohani serta disiplin diri yang tinggi (al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Proses *takhalli* ini diklasifikasikan sebagai satu kaedah melawan pengaruh hawa nafsu bagi membebaskan jiwa manusia daripada tingkah laku negatif yang tercetus akibat dorongan hawa nafsu yang tidak terkawal (al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014).

Fasa seterusnya merujuk kepada usaha membentuk sikap positif atau dikenali sebagai proses *tahalli* sebagaimana dikemukakan oleh al-Ghazālī (1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Dalam fasa ini, seseorang akan mula mengisi jiwa yang kosong, kesan daripada pembersihan sifat-sifat negatif sebelumnya, dengan menerapkan pelbagai akhlak mahmudah secara dalaman seperti sikap zuhud, taubat, sabar, takut kepada Allah (*khawf*), berharap (*raja'*), ikhlas, tawakal, bersyukur, reda, serta sentiasa mengingati kematian (*dhikr al-maut*) (Salasiah, 2018). Proses ini menuntut usaha yang konsisten melalui latihan rohani yang sistematik dan dilakukan secara berperingkat (*riyādah al-nafs*). Dengan latihan yang terancang ini, individu mampu mengubah tingkah laku positif yang asalnya sukar dilaksanakan menjadi tabiat yang sehati dalam kehidupan harian. Akhirnya, kebiasaan baik ini akan berkembang secara bertahap sehingga menjadi sifat peribadi yang mantap dan kekal dalam diri individu tersebut (al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014).

Proses refleksi sendiri (*muhāsabah*) menjadi peringkat akhir dalam model ini, yang merangkumi penilaian komprehensif terhadap keseluruhan langkah-langkah *tazkiyah al-nafs* yang dilalui sebelumnya (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Melalui refleksi ini, seseorang melakukan introspeksi mendalam bagi menentukan sejauh mana kefahaman terhadap potensi diri serta mengenal pasti secara tepat kekurangan dan kelemahan peribadi yang wujud, di samping mengesan sikap negatif yang perlu dielakkan (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010). Selanjutnya, individu turut melakukan penelitian kritikal terhadap pendekatan perubahan yang telah digunakan bagi menghapuskan sifat negatif tersebut, berdasarkan penilaian yang jujur terhadap kelebihan serta kekurangan dirinya sendiri. Akhirnya, penilaian ini turut melibatkan pertimbangan terhadap tahap keberkesanan usaha seseorang dalam membentuk dan

memperkuat sifat-sifat positif dalam dirinya. Oleh itu, refleksi diri ini menjadi proses semakin terperinci tentang keseluruhan manfaat serta kelemahan yang diperoleh hasil daripada amalan *tazkiyah al-nafs* yang dilaksanakan.

Al-Ghazālī berpandangan bahawa *tazkiyah al-nafs* menghasilkan kebahagiaan hakiki yang merangkumi kehidupan dunia serta akhirat (*al-sa'ādah*) (al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Kebahagiaan ini merupakan suatu keadaan jiwa yang telah mencapai tahap penyucian daripada pelbagai penyakit batin, diisi sepenuhnya dengan *ma'rifatullah* (kesedaran dan pemahaman mendalam mengenai Allah SWT). Jiwa dalam keadaan ini, yang dikenali sebagai *nafs al-mutma'innah*, bersedia untuk kembali kepada Allah SWT dalam suasana ketenangan mutlak serta menikmati kebahagiaan sejati yang jauh mengatasi segala bentuk nikmat sementara di dunia (al-Ghazālī, 1998, 2010). Kebahagiaan sejati ini tidak bersifat sementara seperti kedudukan atau kekayaan duniawi, tetapi kekal abadi serta memiliki makna yang jauh lebih mendalam (al-Ghazālī, 1998). Justeru, kebahagiaan yang dimaksudkan oleh al-Ghazālī bukan sekadar rasa gembira biasa, tetapi lebih menitikberatkan hubungan spiritual yang rapat dan mendalam dengan Allah.

Kaunseling Islam di Sekolah

Sejarah kaunseling di Malaysia dapat dikesan sejak zaman kolonial British pada tahun 1938, dengan fokus utama pada penyediaan pelajar ke arah kemahiran dan kesediaan memasuki pasaran pekerjaan (Cheeseman, 1938). Ia turut ditandainya dengan penerbitan buku *Careers in Malaya: A Guide for Parents, Teachers and Pupils* pada tahun 1939 sebagai rujukan utama bagi guru-guru dalam melaksanakan perkhidmatan bimbingan kaunseling di institusi pendidikan (Malaya Tribune, 1939). Namun secara rasmi, kaunseling di sekolah hanya bermula pada tahun 1963 (Alimuddin, 1988; Pope et al., 2002; Kim Low et al., 2013; Natesan, 2017).

Manakala, kebangkitan kaunseling Islam di Malaysia dikaitkan dengan gelombang kebangkitan agama dan reformasi pendidikan Islam sekitar dekad 1980-an (Norazlina & Noor Shakirah, 2016). Ia turut didorong oleh empat faktor dominan. Pertama, peranan intelektual seperti Malik Badri (Malik Badri, 2010; S. Mohamed Iqbal, 1981; Haque et al., 2016) dan Hassan Langgulung (Hasan Langgulung, 1990; Norazlina & Noor Shakirah, 2016), yang merintis integrasi prinsip Islam ke dalam kerangka kaunseling melalui karya akademik dan advokasi praktikal. Kedua, munculnya pelbagai kajian oleh sarjana tempatan seperti Hamzah (1983), Aziz Saleh (1993), Kamal (1995, 1996, 2000), dan Taip dan Abdul Halim (2009), yang membentuk asas teori dan aplikasi kaunseling berteraskan Islam (Zainab et al., 2014; Norazlina & Noor Shakirah, 2016).

Ketiga, pengaruh global terhadap integrasi agama dalam praktik kaunseling, seperti yang diperjuangkan oleh Corey (2013), Robertson (2010) dan Miller (2000), turut menginspirasi sarjana Malaysia untuk mengadaptasi pendekatan ini dalam konteks lokal (Mazidah et al., 2015; Norazlina & Noor Shakirah, 2016). Keempat, pengukuhan aspek legal melalui Kod Etika Lembaga Kaunselor Malaysia (2011) yang secara eksplisit mengiktiraf peranan nilai agama dalam proses kaunseling.

Walaupun ketiadaan rekod kronologi yang jelas tentang permulaan formal kaunseling Islam di sekolah, Surat Pekeliling Ikhtisas bil.9A/1976 (yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan bagi menekankan keperluan bimbingan agama kepada pelajar Muslim) dianggap sebagai kerangka perundangan awal untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islamik dalam sistem pendidikan, termasuk perkhidmatan bimbingan kaunseling. Perkembangan ini turut didorong oleh fenomena sosio-agama pada dekad 1970-an dan 1980-an, di mana kebangkitan kesedaran terhadap peranan Islam dalam kehidupan seharian seiring dengan gerakan Islam global (Camroux, 1996; Barr & Govindasamy, 2010), secara tidak langsung memperkukuh landasan praktikal kaunseling berteraskan agama di institusi pendidikan.

Dalam konteks sekolah di Malaysia, kajian menunjukkan amalan kaunseling Islam memberi impak positif terhadap para pelajar (Khalim & Wan Zulkifli, 2009; Halimah & Zainab, 2015). Pendekatan pencegahan dalam kaunseling Islam di sekolah dilaksanakan melalui pelbagai program yang menekankan hubungan dengan Allah, manusia dan persekitaran (Halimah & Zainab, 2015). Para kaunselor juga didapati berusaha menerapkan elemen Islam dalam menangani isu salah laku pelajar (Halimah & Zainab, 2015). Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam pelaksanaan kaunseling Islam seperti kekurangan manual dan garis panduan komprehensif serta keperluan latihan yang lebih mendalam untuk kaunselor (Norazlina & Amir, 2022). Selain itu, terdapat isu seperti kekurangan kajian mendalam tentang kaunseling Islam dalam konteks sekolah (Roslee et al., 2008) serta keperluan mengintegrasikan pendekatan yang pelbagai termasuk kaunseling Islam dalam amalan kaunseling sekolah (Nik Rosila et al., 2019).

Berdasarkan analisis empirikal, implementasi pendekatan keislaman dalam kaunseling sekolah di Malaysia menunjukkan hasil yang konstruktif terhadap perkembangan holistik pelajar, terutamanya dalam pembentukan akhlak dan pengurusan konflik (Khalim & Wan Zulkifli, 2009; Halimah & Zainab, 2015). Secara operasional, kaunselor sekolah menggunakan kerangka pencegahan berbasis tauhid melalui program-program seperti bimbingan rohani (*hablum min Allah*), latihan kemahiran sosial (*hablum min al-nās*), dan pendidikan alam sekitar (*hablum min al-alam*), yang dirancang untuk menyepadukan nilai Islam dalam kehidupan harian pelajar (Halimah & Zainab, 2015). Dalam menangani isu disiplin, kaunselor turut mengaplikasikan teknik intervensi berasaskan nilai Islam, seperti muhasabah (introspeksi diri) dan *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa), bagi membentuk kesedaran intrinsik pelajar terhadap tanggungjawab moral (Halimah & Zainab, 2015).

Namun, pelaksanaannya tidak terlepas daripada halangan sistematik. Antaranya, ketiadaan manual prosedur standard dan garis panduan terperinci untuk adaptasi kontekstual (Norazlina & Amir, 2022), serta keperluan peningkatan kompetensi kaunselor melalui latihan khusus dalam psikologi Islam dan kaedah terapi berteraskan syariah (Roslee et al., 2008). Di samping itu, literatur sedia ada masih terbatas dalam mengeksplorasi dinamika unik kaunseling Islam di persekitaran sekolah, seperti kesan jangka panjang atau kesesuaian teknik tertentu terhadap demografi pelajar yang pelbagai (Nik Rosila et al., 2019).

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penerapan Model Kaunseling al-Ghazālī dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di Malaysia dengan memberi fokus kepada pengaplikasian konsep *tazkiyah al-nafs* dalam sesi kaunseling sekolah. Kajian ini turut meneliti bagaimana proses intervensi dilaksanakan oleh kaunselor Muslim berdasarkan prinsip-

prinsip kerohanian seperti *ma'rifah al-nafs*, *takhalli*, *tahalli*, *muhasabah*, dan *al-sa'adah* sebagaimana yang digariskan dalam kerangka al-Ghazālī. Penekanan turut diberikan kepada bentuk pelaksanaan kaunseling berasaskan spiritual dalam konteks persekitaran sekolah, termasuk pendekatan dan mekanisme yang digunakan oleh kaunselor untuk menyesuaikan model ini dengan keperluan dan latar belakang pelajar.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan reka bentuk kajian kes pelbagai tapak, selaras dengan panduan yang dikemukakan oleh Yin (2018). Dari segi falsafah penyelidikan, kajian ini berasaskan paradigma konstruktivisme-interpretivisme yang menekankan makna subjektif dalam pengalaman manusia (Cresswell, 2014). Strategi analisis induktif digunakan untuk menelusuri makna tersirat yang berkait rapat dengan konteks peserta kajian. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur sebagai sumber utama.

Pemilihan peserta kajian dibuat secara persampelan bertujuan melibatkan 19 orang Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Kesemua peserta kajian mempunyai pengalaman minimum lima tahun serta terbukti mengaplikasikan pendekatan kaunseling berasaskan Islam di sekolah. Saiz peserta kajian ini memadai berdasarkan prinsip ketepuan data dalam kajian kualitatif, seperti yang disarankan oleh Lincoln dan Guba (1985) serta Creswell (2014), di mana fokus utama ialah kepada kedalaman maklumat dan bukan jumlah kuantitatif.

Proses analisis data mengikuti enam fasa seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2014): penyusunan data mentah, pembacaan awal untuk kefahaman menyeluruh, pengekodan terbuka, pembentukan kategori dan tema, penulisan naratif tematik, serta pentafsiran makna. Perisian NVivo 12 digunakan bagi menyokong proses pengekodan dan pengurusan data secara sistematik (Yin, 2018). Bagi meningkatkan kredibiliti dan ketekalan dapatan, semakan ahli turut dilaksanakan, selaras dengan saranan Merriam dan Tisdell (2016).

Selain itu, empat orang penilai pakar bebas daripada pelbagai institusi turut dilibatkan bagi menilai kesahihan tema. Mereka meneliti padanan antara tema yang dibina dan data asal, termasuk transkrip verbatim terpilih. Bagi mengukur tahap kesepakatan, indeks *Cohen's Kappa* digunakan sebagai penanda statistik. Nilai purata yang diperolehi adalah 0.88, dengan julat antara 0.83 hingga 0.92, yang ditafsir sebagai tahap persetujuan sangat tinggi berdasarkan panduan McHugh (2012). Nilai ini membuktikan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap kod dan tema yang dibangunkan. Kajian ini mematuhi saranan Crano et al. (2015), yang menganggap nilai Kappa melebihi 0.75 sebagai indikator kesahihan pengekodan. Jika berlaku perbezaan tafsiran, perbincangan konsensus dijalankan antara penyelidik dan pakar untuk memastikan keselarasan makna dan kesahihan tema berdasarkan bukti lapangan. Dengan itu, proses analisis dalam kajian ini memenuhi ciri keteguhan metodologi dan ketekalan penilaian merentas institusi..

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan empat tema terhasil: (1) sesi dimulakan dengan niat, zikir, dan penetapan matlamat, (2) identifikasi punca masalah melalui aspek ibadah dan hati, (3) rawatan spiritual berasaskan peningkatan ibadah dan refleksi sendiri, serta (4) penilaian kesan terapi melalui perubahan tingkah laku dan komitmen terhadap ibadah.

Sesi Dimulakan dengan Niat, Zikir dan Penetapan Matlamat

Tema pertama kajian adalah sesi dimulakan dengan niat, zikir, dan penetapan matlamat. Tema ini menunjukkan bahawa peserta kajian (PK) mengamalkan pendekatan pelbagai dan bersepadu dalam memulakan sesi kaunseling berdasarkan perspektif Islam. Tiga aspek utama yang dikenal pasti ialah penetapan niat dan matlamat yang ikhlas, penggunaan zikir dan doa sebagai pembuka dimensi rohani, serta penekanan terhadap adab sebelum dan semasa sesi. Contohnya, PK02 dan PK08 menyatakan bahawa mereka membetulkan niat sebelum sesi dimulakan agar setiap tindakan dilakukan kerana Allah, manakala PK03 menekankan bahawa matlamat perlu merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi. Dapatan ini selari dengan model al-Ghazālī yang menyarankan pendekatan *musyaratah* sebagai prasyarat dalam setiap proses tarbiah jiwa, dengan niat yang bersih sebagai asas utama untuk mencapai keredaan Ilahi (al-Ghazālī, 2010).

Selain daripada niat, bacaan zikir dan doa seperti *basmalah* dan surah al-Fatihah digunakan secara konsisten sebagai pembukaan sesi. Ini bukan sahaja berfungsi sebagai pelengkap ritual, tetapi menjadi elemen penting dalam mengalirkan ketenangan dan keterbukaan hati klien. PK01 dan PK17 memulakan sesi dengan bacaan *basmallah* dan surah al-Fatihah untuk mencipta suasana spiritual yang kondusif, manakala PK09 menyatakan bahawa doa menjadi medium untuk memupuk harapan dan kekuatan diri. Dapatan ini menyokong hasil kajian Roslina dan Siti Fatimah (2021), serta Saged et al. (2022), yang membuktikan bahawa bacaan zikir dan doa memainkan peranan penting sebagai intervensi psikospiritual dalam sesi kaunseling Islam, membantu mengurangkan tekanan dan membuka ruang kesedaran ruhani yang lebih mendalam. Subaidi et al., (2024) juga mendapati bahawa amalan zikir dan doa pada permulaan sesi kaunseling bukan sekadar ritual, tetapi terbukti mampu menenangkan hati, memupuk makna hidup, dan meningkatkan tumpuan kognitif pelajar. Justeru, pendekatan ini mengesahkan kepentingan kaunselor memulakan sesi dengan niat dan bacaan doa sebagai asas rohani intervensi

Selain daripada itu, penekanan terhadap adab semasa permulaan sesi turut dikenal pasti sebagai elemen penting dalam pendekatan kaunseling Islam. PK03 dan PK05 menekankan kepentingan membimbing klien dalam menjaga adab seperti posisi duduk, gaya bertutur, dan batasan antara lelaki dan perempuan. PK18 dan PK19 pula menegaskan bahawa kaunselor sendiri harus menunjukkan akhlak yang baik sebagai qudwah hasanah kepada klien. Dapatan ini memperkukuh gagasan *muraqabah* dan *mu'amalat syar'iyah* dalam model al-Ghazālī (1998), yang menekankan pentingnya etika dalam hubungan insani. Kajian Nur Husna et al. (2023), turut menyatakan bahawa penjagaan adab bukan sahaja membina suasana terapeutik yang berkesan tetapi juga menyuburkan integriti dan kekuatan dalaman kaunselor. Secara sintesis, pendekatan permulaan ini menjadikan sesi kaunseling bukan sekadar perbincangan

psikologi tetapi satu proses penyucian rohani yang dipimpin.

Identifikasi Punca Masalah Melalui Aspek Ibadah dan Hati

Tema kedua kajian adalah identifikasi punca masalah melalui aspek ibadah dan hati. Dapatan ini menunjukkan bahawa punca utama permasalahan pelajar dalam sesi kaunseling Islam banyak berpunca daripada kelemahan hubungan spiritual dengan Allah SWT, khususnya dalam aspek mencuaikan ibadah dan kelesuan hati. PK01, PK03, PK05, PK07 dan PK17 menyatakan bahawa pelajar yang bermasalah lazimnya adalah pelajar yang meninggalkan solat, atau tidak menunaikan solat secara konsisten. Bahkan, PK04 menegaskan bahawa kegagalan mengurus masa dan emosi banyak berpunca daripada kelalaian dalam menjaga solat. Ini menunjukkan bahawa peningkatan ibadah seperti solat, doa dan zikir bukan sahaja berfungsi sebagai elemen intervensi, tetapi juga sebagai indikator awal dalam mengenal pasti punca kerosakan spiritual klien. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Pratiwi dan Kasmi (2023) yang menyatakan bahawa pengabaian ibadah membawa kepada krisis spiritual dan keruntuhan kesejahteraan psikososial individu Muslim.

Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa masalah berpunca daripada hati (*qalb*) adalah teras kepada kebanyakan gangguan emosi dan tingkah laku pelajar. Contohnya, PK05 dan PK06 menekankan bahawa hati yang tidak tenang, lemah iman atau dipenuhi sifat mazmumah sering mendorong kepada tekanan, keresahan atau kecenderungan kepada tingkah laku negatif seperti mencuri dan berbohong. Malah, PK17 merujuk kepada hadith Rasulullah SAW tentang pentingnya kesucian hati sebagai penentu baik atau buruknya keseluruhan jasad dan akhlak seseorang. Ini selari dengan pandangan al-Ghazālī (1998) yang menjelaskan bahawa *qalb* ialah pusat tadbir seluruh diri manusia, dan sebarang perubahan perlu bermula dari penyucian hati melalui ibadah dan taubat. Kajian Zuraimy et al. (2023) turut menyokong dapatan ini dengan menekankan pendekatan *tazkiyah al-nafs* sebagai strategi ampuh untuk menangani tekanan emosi dalam kalangan remaja Muslim.

Selain daripada itu, dapatan memperlihatkan bahawa kurangnya penghayatan agama dalam kehidupan pelajar menjadi antara akar utama masalah psikososial. PK04, PK06, PK09 dan PK14 menyatakan bahawa kurang keyakinan terhadap qada' dan qadar, tidak bersyukur serta tidak memahami tujuan hidup sering mendorong kepada kekecewaan, tekanan dan kecenderungan kepada tindakan negatif seperti merungut atau hilang semangat belajar. PK12 dan PK18 pula menyebut bahawa kurangnya penghayatan agama ini sering kali berpunca daripada keluarga yang tidak menerapkan nilai keagamaan di rumah. Dapatan ini konsisten dengan kajian Syed Mohammad Hilmi et al. (2023), yang menegaskan bahawa krisis nilai spiritual merupakan pencetus utama kepada gejala kebimbangan dan kemurungan, dan hanya boleh diatasi melalui penguatan amalan spiritual dan kesedaran tauhid. Oleh itu, proses kaunseling perlu digerakkan bukan sahaja melalui sokongan psikologi, tetapi melalui refleksi sendiri spiritual yang berterusan, selaras dengan objektif rawatan Islam untuk membina insan yang kembali kepada Allah SWT secara sedar dan rela.

Rawatan Spiritual Berasaskan Peningkatan Ibadah Dan Refleksi Kendiri

Tema ketiga kajian adalah rawatan spiritual berasaskan peningkatan ibadah dan refleksi kendiri. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan rawatan dalam kaunseling Islam oleh peserta kajian (PK) memberi penekanan yang menyeluruh terhadap dimensi rohani klien, dengan fokus utama kepada penyucian hati (*qalb*) sebagai punca segala masalah dalaman. PK02 dan PK05 menegaskan bahawa klien sering mengetahui tindakan mereka salah, tetapi kekurangan kekuatan hati untuk berubah. Ini mengesahkan prinsip al-Ghazālī (1998) dalam *Ihyā'* bahawa *qalb* adalah pusat kerajaan diri, dan segala penyembuhan batiniah mestilah bermula dengan *tazkiyah al-nafs*. Dalam konteks ini, fokus rawatan yang bersifat introspektif dan berpaksikan kepada muhasabah serta *ma'rifah al-nafs* amat jelas dalam dapatan kajian ini, sekaligus menzahirkan keserasian dengan kerangka klasik penyembuhan Islam yang berlandaskan kekuatan batin dan hubungan dengan Allah SWT.

Selain tumpuan kepada hati, rawatan turut berasaskan penggunaan elemen ruhani seperti bacaan al-Quran, zikir dan doa. Dua contoh pendek intervensi yang dilaksanakan ialah PK03 yang menggunakan "*Terapi al-Fatihah*" sebagai pengganti bacaan panjang ketika klien dalam tekanan, serta PK14 yang mengaplikasikan *bibliotherapy* dengan meminta klien membaca dan memahami tafsir ayat-ayat al-Quran. Malah PK05 dan PK17 menekankan penggunaan zikir mudah seperti *istighfar* dan selawat sebagai amalan harian klien. Kajian ini selari dengan dapatan Nur Masitah dan Norhapizah Mohd (2024), yang menyatakan bahawa zikir dan doa berperanan besar dalam mengurangkan tekanan emosi dan menyucikan jiwa klien. Bahkan, pendekatan ini turut dikukuhkan oleh Saged et al. (2022) yang membuktikan secara empirikal bahawa zikir dan *istighfar* dapat mengurangkan simptom kemurungan dalam kalangan remaja Muslim.

Penilaian Kesan Terapi Melalui Perubahan Tingkah Laku dan Komitmen Terhadap Ibadah

Tema keempat kajian adalah penilaian kesan terapi melalui perubahan tingkah laku dan komitmen terhadap ibadah. Dapatan ini menunjukkan bahawa penilaian dalam pendekatan kaunseling Islam oleh peserta kajian (PK) di sekolah menengah berfokus kepada tiga dimensi utama: (1) peningkatan komitmen terhadap ibadah, (2) pengurusan kehidupan berasaskan nilai agama, dan (3) pembangunan karakter berasaskan akhlak mulia. Dalam aspek ibadah, hampir semua peserta kajian menilai keberkesanan intervensi melalui peningkatan kesedaran dan amalan solat, bacaan al-Quran, dan ibadah lain secara konsisten. Sebagai contoh, PK01 menjelaskan bahawa dalam sesi susulan, beliau akan menilai tahap kesungguhan klien terhadap solat sebagai indikator utama, manakala PK05 menyatakan bahawa perubahan ibadah seperti penjagaan solat dan bacaan Quran menjadi antara penanda aras jangka pendek untuk mengukur kesan sesi. Dapatan ini mengukuhkan pandangan Tanhan dan Young (2022) yang menekankan bahawa elemen spiritual seperti ibadah merupakan tunjang kepada kesejahteraan psikospiritual klien Muslim.

Dalam aspek pengurusan kehidupan berasaskan agama, dapatan menunjukkan bahawa peserta kajian menerapkan penilaian secara reflektif dengan memberi tumpuan kepada perubahan gaya hidup klien yang lebih harmoni dan berpaksikan syariat Islam. PK02 dan PK10 menilai kesan sesi melalui pemerhatian terhadap perubahan sikap dan tanggungjawab klien dalam kehidupan harian seperti pengurusan masa, rasa syukur dan motivasi menuntut ilmu. Sebagai contoh, PK10 menegaskan kepentingan mengaitkan amalan belajar sebagai sebahagian daripada ibadah yang dituntut oleh Islam, manakala PK15 memberi tumpuan kepada kesan zikir dan solat dalam menangani gangguan emosi seperti sukar tidur. Dapatan ini selari dengan kajian Badri (2020) dan Cucchi (2022) yang mendapati bahawa orientasi hidup berteraskan agama memberi kesan positif terhadap keseimbangan emosi, tanggungjawab sosial dan pemulihan jangka panjang dalam kalangan pelajar.

Aspek ketiga iaitu pembangunan karakter, menunjukkan bahawa peserta kajian menilai keberkesanan sesi kaunseling melalui perubahan akhlak, disiplin dan hubungan sosial klien. Contohnya, PK06 melaporkan bahawa pelajar yang pernah mempunyai kecenderungan mencederakan diri menunjukkan penurunan signifikan dalam risiko tersebut selepas intervensi. Begitu juga PK14 yang menilai peningkatan kehadiran ke sekolah dan perubahan sikap pelajar sebagai tanda keberkesanan bimbingan. Penekanan kepada akhlak sebagai indikator perubahan menunjukkan pendekatan holistik yang menyeimbangkan aspek rohani dan sosial, seiring dengan dapatan Perron et al. (2023) yang menegaskan bahawa pemulihan spiritual yang autentik mesti disertai pembinaan watak. Secara keseluruhan, penilaian yang dilakukan oleh peserta kajian dalam kajian ini bukan sahaja bersifat teknikal tetapi juga bersifat transformatif, selari dengan misi kaunseling Islam sebagai bimbingan ke arah *tazkiyah al-nafs*.

PERBINCANGAN


Kajian ini membuktikan model kaunseling *tazkiyah al-nafs* boleh diaplikasikan secara berkesan sebagai satu teori tunggal dalam konteks sekolah. Pendekatan inovatif yang diperkenalkan adalah dengan menstrukturkan proses terapi secara jelas menggunakan elemen-elemen spiritual seperti *ma'rifah al-nafs*, *takhalli*, *tahalli*, *muhāsabah*, dan *al-sa'ādah*. Kekuatan pendekatan ini terletak pada kemampuannya mencabar teori kaunseling Barat yang dominan, sekali gus memperkayakan teori kaunseling melalui perspektif Islam.

Pengaplikasian model kaunseling Islam secara tunggal dalam kajian ini berbeza dengan dapatan kajian sebelumnya yang mendapati majoriti kaunselor Muslim mengamalkan kaunseling secara integrasi atau modifikasi seperti kajian Mazidah et al. (2015), Norazlina dan Noor Shakirah (2016), Noraimi Aainaa (2018), Norazlina & Amir (2022, Amnah et al. (2023), dan Hamizi dan Suhaya (2023).

Namun, terdapat beberapa isu kritikal yang perlu diberi perhatian. Cabaran utama ialah kebergantungan model ini terhadap tahap kompetensi kaunselor. Jika kaunselor kurang kompeten, keberkesanan intervensi ini mungkin terjejas. Oleh itu, latihan intensif dalam *tazkiyah al-nafs* perlu ditekankan kerana kaunselor terdedah kepada tekanan sekunder daripada isu klien. Penyelidikan semasa menegaskan bahawa modul psikospiritual yang sistematik bukan sahaja meningkatkan kompetensi profesional, tetapi turut melindungi kesejahteraan emosi dan rohani kaunselor (Syed Mohammad Hilmi et al., 2021).

Selain itu, penyesuaian pendekatan ini kepada tahap penghayatan agama klien yang berbeza-beza juga ialah suatu cabaran yang besar. Kaunselor perlu bijak menyesuaikan kaedah tanpa mengabaikan prinsip asas model al-Ghazālī. Cabaran ini membuka ruang untuk kajian lanjutan, khususnya dalam mengukur sejauh mana fleksibiliti pendekatan ini boleh dilaksanakan tanpa mengorbankan tujuan asal penyucian jiwa.

Dapatan kajian ini telah menghasilkan sebuah kerangka proses kaunseling Islam yang unik berasaskan model al-Ghazālī, khusus untuk diaplikasikan dalam konteks sekolah. Kerangka ini sejajar dengan model yang dicadangkan oleh Salasih (2018), Yatimah (2005), dan Md Noor (2012), namun model ini khusus terhadap keperluan persekitaran pendidikan di sekolah. Rajah di bawah menunjukkan proses pengaplikasian model kaunseling *tazkiyah al-nafs*. Pada peringkat institusi, kerangka pendidikan bersepadu yang menggabungkan tazkiyah, adab, dan pengawasan beretika perlu dilaksanakan. Kerangka ini menunjukkan bahawa pembinaan disiplin formal mesti dilengkapi dengan pemupukan nilai rohani yang sistematik, sekali gus menormakan kaunseling berasaskan tazkiyah al-nafs dalam sistem sekolah (Azrin, 2025).



Rajah 2 : Langkah pengaplikasian model kaunseling al-Ghazālī dalam konteks sekolah. Adaptasi modul pendekatan spiritual dalam kaunseling al-Ghazālī oleh Salasih (2018).

Proses kaunseling ini bermula dengan pembinaan hubungan mesra dengan klien. Kaunselor perlu mewujudkan suasana yang selesa dan harmoni supaya klien bebas berkongsi dan meluahkan segala masalah tanpa rasa bimbang atau malu. Seterusnya, klien dibantu untuk mengenali dirinya secara lebih mendalam dan mengenal pasti punca sebenar masalah yang dihadapi melalui proses introspeksi yang berpandukan ajaran Islam. Dalam fasa berikutnya, kaedah *mujāhadah* atau *takhalli* diaplikasikan dengan tujuan menghapuskan sifat negatif dan tercela dalam diri klien seperti sifat ego, marah, sombong, atau hasad dengki. Pendekatan ini memerlukan usaha gigih klien dalam melawan hawa nafsu dan melakukan perubahan sikap

secara berperingkat. Selepas itu, proses kaunseling diteruskan dengan aplikasi kaedah khusus *mujāhadah* atau *takhalli* yang lebih terperinci berdasarkan keperluan khusus masalah klien, seperti amalan berzikir, solat malam atau puasa sunat untuk mempercepatkan perubahan diri yang positif. Kemudian, dalam peringkat seterusnya, kaedah umum *riyādah* atau *tahalli* diaplikasikan bagi menghiasi diri klien dengan sifat-sifat mulia seperti sabar, tawakal, syukur dan reda melalui latihan ibadah dan disiplin spiritual secara konsisten.

Akhir sekali, klien dibantu melakukan penilaian atau muhasabah sendiri untuk mengukur keberkesanan usaha yang telah dijalankan sepanjang sesi kaunseling, supaya ia dapat berterusan ke arah kebahagiaan hidup yang hakiki menurut perspektif Islam. Keseluruhan proses ini bersifat kitaran dan berulang mengikut keperluan perkembangan klien sehingga perubahan positif yang stabil tercapai dalam kehidupan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya mengaplikasikan model *tazkiyah al-nafs* al-Ghazālī dalam amalan kaunseling formal di sekolah. Dengan menggabungkan nilai spiritual Islam (*tazkiyah al-nafs*) dengan pendekatan kesihatan mental yang responsif budaya, menjadikan model ini mempunyai kekuatan tersendiri untuk diaplikasikan. Namun, meskipun model ini menawarkan solusi menyeluruh terhadap kekosongan kerohanian dalam pendidikan moden, kebergantungannya pada kompetensi kaunselor untuk menyesuaikan intervensi mengikut tahap penghayatan agama pelajar menjadi cabaran utama. Justeru, kajian lanjutan dicadangkan tertumpu pada impak model kaunseling ini kepada pelajar di sekolah. Ini bagi memastikan aplikasi model ini selari dengan prinsip asas penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) tanpa mengabaikan kepelbagaian latar belakang pelajar. Penyelidikan empirikal diperlukan untuk menguji keberkesanan modul ini dalam konteks sekolah pluralistik, sekali gus menyokong integrasinya ke dalam sistem pendidikan formal sebagai alternatif praktikal.

RUJUKAN

- Adams, C. M., Puig, A., Baggs, A., & Wolf, C. P. (2015). Integrating religion and spirituality into counselor education: Barriers and strategies. *Counselor Education and Supervision*, 54(1), 44–56. <https://doi.org/10.1002/j.1556-6978.2015.00069.x>
- Aggarwal, S., Wright, J., Morgan, A., Patton, G., & Reavley, N. (2023). Religiosity and spirituality in the prevention and management of depression and anxiety in young people: a systematic review and meta-analysis. *BMC Psychiatry*, 23(1), 1–33. <https://doi.org/10.1186/s12888-023-05091-2>
- Alimuddin, M. D. (1988). *Tanggapan pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di enam buah sekolah menengah di Malaysia*. Universiti Pertanian Malaysia.
- Amnah, M., Mohd Suhadi, M. S., & Amir, A. (2023). Kesan intervensi kaunseling integrasi Terapi Realiti dan Tazkiyah al-Nafs (TR-TAN) dalam Penyelidikan menggunakan reka bentuk Single Subject Research (SSR). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(Special Issue), 63–72.
- Aziz Saleh. (1993). *Kaunseling Islam asas*. Utusan Publication & Distributors.
- Azrin, I. (2025). Keperluan pembinaan kerangka ta'dib hisbah (Ta-His) untuk pembangunan insaniah remaja sekolah berasrama di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 26(2), 29–39.

- Badri, M. (1978, September). Ulama al-nafs al-Muslimun fi hujr al-dhab. *Majallah Al-Muslim Al-Maashir*, 97–113.
- Badri, M. (1979). *The dilemma of Muslim psychologists*. MWH Publishers.
- Badri, M. (1997). *The AIDS crisis: An Islamic socio-cultural perspective*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Badri, M. (2010). *Azminah ulama' al-nafs al-Muslimin*. Dār Dībūnō li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Badri, M. (2020). Islamization of psychology: Its why, its what, its how, and its who. *International Journal of Islamic Psychology*, 3(3), 22–33.
- Barr, M. D., & Govindasamy, A. R. (2010). The islamisation of Malaysia: Religious nationalism in the service of ethnonationalism. *Australian Journal of International Affairs*, 64(3), 293–311. <https://doi.org/10.1080/10357711003736469>
- Camroux, D. (1996). State responses to Islamic resurgence in Malaysia: Accommodation, co-option, and confrontation. *Asian Survey*, 36(9), 852–868.
- Cheeseman, H. A. R. (1938). *Report on vocational education in Malaya : being proposals regarding the provision of additional facilities for vocational education and modifications in school curricula so as to bring into closer touch present day conditions*. Malaya Education Service.
- Corey, G. (2013). *The Art of Integrative Counselling*.
- Crano, W., Brewer, M., & Lac, A. (2015). *Principles and methods of social research* (3rd ed.). Routledge Taylor & Francis.
- Cresswell, J. . (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage Publications, Inc. <https://doi.org/10.2307/3152153>
- Cucchi, A. (2022). Integrating cognitive behavioural and Islamic principles in psychology and psychotherapy: A narrative review. *Journal of Religion and Health*, 61(6), 4849–4870. <https://doi.org/10.1007/s10943-022-01576-8>
- Dyer, W. J., Crandall, A., & Hanson, C. L. (2023). COVID-19 Stress, religious affiliation, and mental health outcomes among adolescents. *Journal of Adolescent Health*, 72(6), 892–898. <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2022.12.026>
- Elzamzamy, K., Naveed, S., & Dell, M. L. (2024). Religion, spirituality, and pediatric mental health: a scoping review of research on religion and spirituality in the Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry from 2000 to 2023. *Frontiers in Psychiatry*, 15(October), 1–17. <https://doi.org/10.3389/fpsy.2024.1472629>
- Al-Ghazālī, M. (1988). *Ma'arij al-quds fi madarij ma'rifah an-nafs*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazālī, M. (1998). *Ihya' ulum al-din*. Dar al-Hadith.
- Al-Ghazālī, M. (2006). *Minhaj al-'abidīn ila jannat rabb al-'alamin*. Dar al-Minhaj.
- Al-Ghazālī, M. (2008a). Bidāyat al-hidāyah. In *Majmū'at Rasā'il al-Imām al-Ghazālī* (pp. 391–430). Dār al-Fikr.
- Al-Ghazālī, M. (2008b). Mishkāt al-anwār. In *Majmū'at Rasā'il al-Imām al-Ghazālī* (pp. 286–312). Dār al-Fikr.
- Al-Ghazālī, M. (2008c). Mi'rāj al-sālikīn. In *Majmū'at Rasā'il al-Imām al-Ghazālī* (pp. 50–100). Dār al-Fikr.
- Al-Ghazālī, M. (2010). *Kīmiyā al-sa'adah*. Dār al-Muqattam.
- Al-Ghazālī, M. (2014). *Ayyuhā al-walad*. Dar al-Minhaj.
- Halimah, A. H., & Zainab, I. (2015). Pendekatan pencegahan kaunselor Muslim dalam menangani salah laku pelajar sekolah menengah di Daerah Klang, Selangor. *International Journal of Islamic Thought*, 8(Dec), 17–26.
- Hamizi, A. H., & Suhaya, D. (2023). Kaunseling Islam: Integrasi dan asimilasi perspektif al-Ghazali sebagai pendekatan kaunseling spiritual untuk pelbagai agama. *International*

- Seminar on Da'wah IV (ISOD IV) 2023*, 4(ISOD IV), 85–93.
- Hammad, J., El-Guenuni, A., Bouzir, I., & El-Guenuni, F. (2020). The hand of hope: A coproduced culturally appropriate therapeutic intervention for muslim communities affected by the grenfell tower fire. *Journal of Muslim Mental Health*, 14(2). <https://doi.org/10.3998/JMMH.10381607.0014.202>
- Hamzah, M. (1983). Bimbingan dan kaunseling dari sudut pandang Islam. *PERKAMA*, 1(1), 79–84.
- Haque, A., Khan, F., Keshavarzi, H., & Rothman, A. E. (2016). Integrating Islamic traditions in modern psychology: Research trends in last ten years. *Journal of Muslim Mental Health*, 10(1). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.3998/jmmh.10381607.0010.107>
- Hasan Langgulung. (1990). Kaunseling dalam masyarakat Islam. *Seminar Kebangsaan Kaunseling Dalam Masyarakat Islam*, YADIM.
- Hunt, J. (2022). Ignoring religion is a form of cultural imperialism. *Therapy Today*, September, 35–36.
- Kamal, A. M. (1995). *Kaunseling Islam perbandingan antara amalan dan teori kaunseling barat*. utusan publication & distributor.
- Kamal, A. M. (1996). *Perbezaan dan persamaan pandangan Carl Rogers dan Imam Ghazali terhadap beberapa aspek kaunseling*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamal, A. M. (2000). *Kaunseling Islam satu alternatif baru di Malaysia*. Utusan Publication & Distributors.
- Khalim, Z., & Wan Zulkifli, W. H. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah : Satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1–14.
- Kim Low, S., Kuan Kok, J., & Ngee Lee, M. (2013). A holistic approach to school-based counselling and guidance services in Malaysia. *School Psychology International*, 34(2), 190–201. <https://doi.org/10.1177/0143034312453398>
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. SAGE Publications.
- Lines, D. (2012). *Spirituality in counselling and psychotherapy*. SAGE Publications. <https://doi.org/10.4135/9781446213209>
- Malaya Tribune. (1939, October 5). *Official book on careers in Malaya*. 4. <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/maltribune19391005-1.2.46>
- Mariani, O., & Norhanizah Wati, N. (2020). Pendekatan kaunseling Islam untuk menangani masalah sosial di kalangan remaja sekolah menengah agama. *Al-Takamul Al-Ma'arif*, 3(1), 13–41.
- Mazidah, M. D., Raja Zirwatul Aida, R. I., & Azlina, A. B. (2015). Integrasi agama dalam amalan kaunseling di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21th Century*, September, 600–612.
- McHugh, M. L. (2012). Interrater reliability: The kappa statistic. *Biochemia Medica*, 22(3), 276–282.
- Md Noor, S. (2012). *Pembinaan modul bimbingan tazkiyah an-nafs dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja*. Universiti Utara Malaysia.
- Md Noor, S. (2018). Kaunseling Islam di Malaysia. *Proceedings of the 1st International Conference on Islamic Guidance and Counseling*, 1–9.
- Md Noor, S., Nurul Ain, M. D., & Norazani, A. (2016). Kesahan dan kebolehpercayaan modul I-Sc (Islamic Spiritual Counselling) ke atas pelajar bermasalah tingkah laku. *International Journal of Islamic*, 9(June), 32–43.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons Inc.
- Miller, W. R. (2000). Diversity training in spiritual and religious issues. In W. R. Miller (Ed.), *Integrating spirituality into treatment* (Third, pp. 253–263). American Psychological

Association.

- Mir, G., Ghani, R., Meer, S., & Hussain, G. (2019). Delivering a culturally adapted therapy for Muslim clients with depression. *The Behavior Analyst Today Cognitive Behaviour Therapist*, 12(April), 1–14.
- Mohd Azhar, A. R., Shafie, M., & Syed Ahmad Ruslan, S. A. A. (2021). Amalan kaunseling Islam dalam kalangan kaunselor Muslim. *Muaddib*, 15(1), 7–17.
- Mohd Zaharen, M. Z., Md Noor, S., & Mohammad Nasir, B. (2019). Kesahan dan kebolehpercayaan modul kelompok bimbingan integrasi REBT-Tazkiyah an-Nafs. *Journal Of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 9(1), 58–69. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol9.no1.6.2019>
- Mufid, A. (2020). Moral and spiritual aspects in counseling: Recent development in the West. *Journal of Advanced Guidance and Counseling*, 1(1), 1–22. <https://doi.org/10.21580/jagc.2020.1.1.5696>
- Nabilah, H., & Faisal, A. S. (2019). Al-Nafs as the Self in Self-Esteem Construct in Hadith Perspective. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 1–28.
- Natesan, M. (2017). *Keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Nik Rosila, N. Y., Nor Shafrin, A., & Rashidah, M. H. (2019). The need analysis of Islamic counseling approach in solving students' problem. *4th ASEAN Conference on Psychology, Counselling, and Humanities*, 304(Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)), 406–409. <https://doi.org/10.2991/acpch-18.2019.96>
- Noraimi Aainaa, O. (2018). *Meneroka amalan kaunseling perspektif Islam dalam kalangan kaunselor*. Unisertiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraniza, M. N., Syed Mohamad, S. A., & Siti Nur Hadis, A. R. (2019). Islamic counseling approach by Abdullah Nasih Ulwan for preventing aggressive behaviour among school students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 1–10. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i7.302>
- Norazlina, Z., & Amir, A. (2022). Kaunseling perspektif Islam: Cabaran kaunselor dan perspektif klien masa kini. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1), 18–28.
- Norazlina, Z., & Noor Shakirah, M. A. (2016). Theories and modules applied in Islamic counseling practices in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 56(2), 507–520. <https://doi.org/10.1007/s10943-016-0246-3>
- Nur Husna, M. H., Mohd Zaliridzal, Z., Wan Mohd Fazrul Azdi, W. R., Nurhafizah, M. S., Marina Munira, A. M., & Muhammed Fauzi, O. (2025). The experience of spiritual self-care among Malaysian counsellors: An exploratory study. *Journal of Spirituality in Mental Health*, 27(1), 47–69.
- Nur Masitah, M., & Norhapizah Mohd, B. (2024). Analisa kajian psikospiritual Islam di Malaysia. *Gading Journal for Social Sciences (e-ISSN 2600-7568)*, 27(Special Issue KONAKA), 93–102.
- Perron, N. C. D., Lim, V. H., Isenman, L., & Yamoah, K. G. (2023). International counseling values: Recognizing valued approaches identified by international counseling professionals through qualitative inquiry. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 45(2), 330–355. <https://doi.org/10.1007/s10447-023-09505-4>
- Pope, M., Muhaini, M., Singaravelu, H., Bringaze, T., & Russell, M. (2002). From Colonialism to Ultrnationalism: History and development of career counselling in Malaysia. *Career Development Quarterly*, 50(March), 264–276.
- Prajapati, R., & Liebling, H. (2022). Accessing mental health services: A systematic review and meta-ethnography of the experiences of South Asian service users in the UK.

- Journal of Racial and Ethnic Health Disparities*, 9(2), 598–619.
<https://doi.org/10.1007/s40615-021-00993-x>
- Pratiwi, S., & Kasmi, K. (2023). The use of Islamic Creative Art Therapy (I-CAT) in individual counseling to overcome personal problems at Kaunseling Center Majelis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Malaysia. *Konseling Religi: Jurnal Bimbingan Dan Konseling Islam*, 4(2), 287–382. <https://doi.org/10.21043/kr.v14i2.24113>
- Robertson, L. A. (2010). The spiritual competency scale. *Counseling and Values*, 55(1), 6–24. <https://doi.org/10.1002/j.2161-007X.2010.tb00019.x>
- Rohaizan, B., W Aeshah Ameiha, W. A., Mohd Shahril, O., & Syed Hadhzrullatfhi, S. O. (2014). The spiritual competence aspect in counselling service. *International Journal of Management Sciences*, 2(10), 469–478.
- Roslee, A., Mohamed Sharif, M., & Sulaiman Shakib, M. N. (2008). Pendekatan kaunseling daripada perspektif Islam. *International Conference on the Education of Learner Diversity (ICELD08)*.
- Roslina, O., & Siti Fatimah, M. (2021). Ontological methodologies for counselling intervention: Do'a and zikr al-mā'thur corpus. *Baghdad Science Journal*, 18(2), 856–870. [https://doi.org/10.21123/bsj.2021.18.2\(Suppl.\).0856](https://doi.org/10.21123/bsj.2021.18.2(Suppl.).0856)
- Ruslan, H., Farid, M. Z., Kaseh, A. B., & Azmul Fahimi, K. (2020). Sumbangan guru pendidikan Islam dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan rakan guru di sekolah. *Al-Hikmah*, 12(2), 19–34.
- S. Mohamed Iqbal. (1981). Islamic perspective in personality assessment and current trends in psychology. *The Journal of IMA*, 13, 67–72. <https://doi.org/10.5915/13-2-11935>
- Saged, A. A. G., Che Zarrina, S., Mustaffa, A., Al-Rahmi, W. M., Ismail, W. M., Mohamed Ibrahim Adam, Z., & AlShehri, N. bint A. bin M. (2022). The effect of an Islamic-based intervention on depression and anxiety in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 61(1), 79–92. <https://doi.org/10.1007/s10943-021-01484-3>
- Salasiah, H. H. (2018). *Pendekatan kaunseling spiritual menurut Al-Ghazali* (Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah, H. H., Siti Nazratul Ain, M. A., Zainab, I., Rasit, R. M., Khairul Anwar, M., & Zaizul, A. R. (2020). Islamic spiritual approach in developing a positive mindset. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 10(10), 644–665.
- Su-Kubricht, L. P., Chen, H. M., Guo, S., & Miller, R. B. (2024). Towards culturally sensitive care: Addressing challenges in Asian and Asian American mental health services. *Contemporary Family Therapy*, 47(2025), 202–215. <https://doi.org/10.1007/s10591-024-09716-w>
- Subaidi, Rahimah, E., Rosmilawati, A. R., & Kasimah, K. (2024). Fostering spiritual and intellectual growth through dhikir: An integrated educational approach inspired by surah Ali Imran. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 25(1), 15–24.
- Sue, D. W., Sue, D., Neville, H. A., & Smith, L. (2019). *Counseling the culturally diverse: Theory and practice* (4th ed.). Wiley.
- Syed Mohammad Hilmi, S. A. R., Che Zarrina, S., Mohd Anuar, R., Zuraida, A. S., Muhammad Hazim, M. A., & Nabil, N. (2021). Keperluan persediaan psikospiritual dalam Pengurusan secondary traumatic stress (STS) bagi kaunselor petugas Covid-19. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 216–226. <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.1.530>
- Syed Mohammad Hilmi, S. A. R., Muhammad Hazim, M. A., Che Zarrina, S., Mohd Syukri, Z. A., & Muhamad Zariff, I. (2023). The basic model of Islamic psychospiritual treatment based on understanding and appreciating the concept of destiny (al-Taqdir). *Journal for the Study of Religions and Ideologies*, 22(65), 185–197.
- Taip, A., & Abdul Halim, O. (2009). Kaunseling untuk kesejahteraan-satu kajian kes

- perkhidmatan kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12(June), 1–17.
- Tanhan, A., & Young, J. S. (2022). Muslims and mental health services: A concept map and a theoretical framework. *Journal of Religion and Health*, 61(1), 23–63.
<https://doi.org/10.1007/s10943-021-01324-4>
- Webb, J. R., Hirsch, J. K., & Toussaint, L. L. (2015). Forgiveness as a positive psychotherapy for addiction and suicide : Theory, research, and practice. *Spirituality in Clinical Practice*, 2(1), 48–60. <https://doi.org/10.1037/scp0000054>
- Yatimah, S. (2005). *Kaunseling Islam : Satu Analisis kualitatif model kaunseling berasaskan sifat-sifat manusia oleh Imam al-Ghazali*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yatimah, S., & Mohd Tajudin, N. (2010). *Teori kaunseling al-Ghazali* (2nd ed.). PTS Islamika Sdn Bhd.
- Yin, R. K. (2018). Case study research and applications: Design and methods. In *Journal of Hospitality & Tourism Research* (6th ed., Vol. 53, Issue 5). Sage Publications Ltd.
<https://doi.org/10.1177/109634809702100108>
- Zainab, I., Wan Ibrahim, & Asyraf. (2014). Counseling services in muslim communal life in malaysia. *Middle - East Journal of Scientific Research*, 20(11), 1445–1448.
<https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.20.11.21075>
- Zuraimy, A., Noraini, I., & Khader, A. (2023). A study of imam al-Ghazali ’ s approach in strengthening spirituality , psychology and mental health of Muslims. *Journal for Re Attach Therapy and Developmental Diversities*, 6(2008), 409–421.